

**Tid Bit Parenting 17 – Rahsia
Besar Cermin Ajaib &
Pendidikan Anak**



CERMIN AJAIB?
REFLEKSI DIRI SEBENAR

*Warga
Prihatin*
parenting tidbit
★ prihatin.net.my ★

Sediakan cermin yang cukup besar di depan, belakang, kiri dan

kanan untuk melihat semua bahagian tubuh kita. Lebih besar cermin, lebih jelas analisa tubuh kita. Bersihkan juga cermin agar tidak kabur sebelum kita guna. Tanpa cermin, hidung di hadapan mata kita sendiri pun tak akan kita lihat, apatah lagi yang dibelakang. Jika ada sesiapa yang angkuh dengan berkata "Aku tahu siapa aku, orang lain tak boleh masuk campur" itu bermakna mereka ini tak mungkin akan kenali diri sendiri sebaik-baiknya. APA PULA CERMIN AJAIB? Cermin kaca itu untuk melihat tubuh badan dan wajah kita. Cermin ajaib pula untuk memperlihatkan perangai dan kerjabuat kita. Itulah cermin yang berkata-kata dan boleh memberikan ulasan sebenar tentang diri kita. Konsepnya sama saja, mesti cukup bersih, cukup besar dan berada di setiap sudut di mana saja kita berdiri.

Cermin ajaib milik ratu jahat musuh kepada 'Snow White' pun sentiasa bercakap benar dan tidak gentar untuk menyatakan sesuatu yang benar walaupun gerun dengan kuasa yang dimiliki oleh ratu sihir itu.

Dalam era kemajuan teknologi kita sekarang, tahukah anda yang kita semua juga boleh menggunakan khidmat cermin ajaib ini? Namun, tidak semua daripada kita sedar akan kebaikan yang boleh diperolehi daripada penggunaan cermin ajaib ini.

Melalui cermin ajaib, anda boleh mengawasi segala tingkah laku anak anda, tingkah laku sahabat anda, malah anda boleh mengetahui segala hal yang berlaku di sekitar anda. Melalui cermin ajaib juga, anda boleh melihat semula perkara-perkara lalu yang telah berlaku. Dengannya anda boleh membuat perubahan untuk tidak mengulangi masalah yang sama pada masa yang akan datang. Pendek kata, pelbagai perkara yang positif boleh diperolehi apabila anda mempunyai cermin ajaib anda sendiri.

CERMIN AJAIB DARI RAKAMAN VIDEO

Di Prihatin, kami turut mempunyai cermin ajaib kami yang tersendiri. Setiap aktiviti yang berlaku akan dirakam menggunakan beberapa kamera video. Baik daripada aktiviti mesyuarat para bapa di bilik cat, mesyuarat para ibu di dapur,

aktiviti pembelajaran anak-anak, mahupun aktiviti harian seperti menyambut tetamu, latihan apresiasi seni di dewan, bacaan ikrar anak-anak pada waktu pagi, majlis doa selamat, bacaan Yasin dan tahlil mingguan anak-anak, bahkan aktiviti latihan kumpang, silat, riadah, gotong royong dan banyak lagi aktiviti lain juga turut dirakam.

Mengapa perlu dirakam?

Tujuannya adalah bagi memudahkan kami untuk menyorot kembali hal-hal yang telah dilaksanakan. Jika ada kesalahan dimana-mana bahagian, kami boleh membuat islah (penambahbaikan) dan mengelakkan sebarang kesilapan daripada berulang. Sebagai contoh, semasa sesi latihan pidato anak-anak, tidak ramai yang menyedari bahawa mereka mempunyai masalah pergerakan bahasa tubuh dan intonasi yang betul semasa menyampaikan pidato. Melalui penggunaan kamera perakam, individu yang bermasalah boleh mengenal pasti kesalahannya sendiri dan mudah untuk membuat islah. Contoh lain, semasa bacaan Surah Yasin dan tahlil, sebutan makhraj huruf boleh dibetulkan dengan tepat apabila individu tersebut boleh mengenal pasti kesalahan yang dilakukan berbanding dengan teguran secara lisan yang diberikan oleh individu yang lain.

CERMIN AJAIB DARI GURU, RAKAN & JIRAN

Baru-baru ini PDRM di hentam hangit kerana mengambil langkah meredah sekolah untuk membenters pelbagai gejala gengsterism. Ramai ibu bapa tidak tahu bahawa hampir semua sekolah menghadapi masalah gangsterism yang parah. Di kalangan mereka ada pangkat ayahanda, ada pangkat kak long dan abang long. Mereka malah digunakan oleh institusi gangsterism di luar untuk pelbagai aktiviti salah. Kononnya anak sekolah tidak akan dihukum gantung, habis berat sekadar buang sekolah. Maka berleluasa lah macam macam gejala di sekolah.

Tahukah anda, bahawa pengasuh, cikgu, rakan dan jiran anak-anak anda juga satu wasilah cerminan kepada tingkahlaku anak

anda?

Fenomena sekarang ramai yang melenting dan melompat malah bersilat bila cikgu atau pengasuh melaporkan tingkahlaku buruk anak-anak mereka. Tambahan jika kesalahan anak telah di hukum oleh pihak sekolah. Ramai sekali yang buat laporan polis dan ambil lawyer. Tidak kurang yang guna kuasa tukarkan guru dari bandar jauh ke desa. Ini bukan provokasi, tapi ini realiti. Jika anda belum terbaca di mana-mana, segeralah bertanya rakan guru di mana mana.

Ironinya, Ratu Sihir yang jahat itupun tak hempaskan cermin ajaibnya apabila cermin itu sentiasa memberitahu yang 'Snow White' lah ratu tercantik di dunia ketika itu. Ini lagi teruk kesnya dari ratu sihir tu. Takkanlah bila dah jadi terang-terangan depan mata, baru nak percaya? Bahkan itupun selalu masih nak salahkan orang lain..!.

CERMIN AJAIB DARI CCTV

Ada 65 CCTV terpasang di seluruh tingkat dan kawasan RPWP. Ini termasuk 4 unit yang di bawah kawalan PTZ (kawalan fokus dan pusing). Segala kerja buat yang dilakukan di setiap pelusuk kompleks ini boleh diperhatikan dan dirakam. Ini boleh mengelakkan berlakunya hal-hal yang tidak diingini sebaik saja tanda-tanda dapat dikesan.

Kita tidak mampu untuk mengawal pergerakan anak kita di setiap sudut, jadi dengan menggunakan bantuan kamera litar tertutup, kita boleh menghidu segala kerja buat yang dilakukan oleh anak-anak dan ahli keluarga kita supaya kita dapat mengawal situasi sekeliling dengan mudah.

Salah satu CCTV kawal jauh Prihatin ada fungsi 'night vision' dan mampu zoom sehingga jarak 2 km. Sering kali kami hubungi ketua kampung dikala kami kesan ada aktiviti khalwat di taman permainan dan celah-calah bangunan. Ini kami kesan berlaku setiap kali selepas kelas tuisyen malam di balairaya, atau suka suka mereka berkhalwat di awal pagi. CCTV Kami merakam

bagaimana mereka keluar dari pintu belakang, sorong motosikal sampai jauh baru start injin, atau menyusur lorong untuk bertemu mat rempit yang datang menjemput. Malangnya tiada tindakan serius dari pihak berkenaan.

Sesekali sekala kami sendiri halau mereka yang sedang berpelesenan ini. Sedihnya mereka ini anak-anak bawah 15 tahun kebanyakannya. Ada pula di kalangan gadis seumur 13 tahun yang hempas cermin dengan bertempik kuat dengan kata-kata yang jijik di depan gate RPWP di kala maghrib. Boleh anda bayangkan bila mendengar gadis sunti berkata kepada beberapa rakan gadisnya di depan anak-anak rijal kami, "pantat aku, ikut akulah, apa orang kampung nak sibuk?"... MASYAALLAH. Itulah realiti..!

Pengalaman yang kami rasakan cukup pahit bila mengetahui seorang gadis 16 tahun yang kami rawat telah menghimpun dalam diari sendiri 285 jantan yang pernah menidurinya. Itu anak seorang USTAZAH dan bapa seorang Polis. Boleh anda bayangkan anak insan biasa macam kita?

Rupanya pengalaman itu belum cukup berat.! Anda mungkin turut membaca tawaran di Facebook, seorang gadis Melayu yang secara terbuka menawarkan khidmat seks ke seluruh dunia untuk mencapai azam meniduri 100,000 lelaki. Ini bukan lagi "Gila Babi". Babi gila pun tak akan buat macam ini. Sedangkan Lelaki lagikan Allah tetapkan quota, binatang jantan pun ada quota untuk jumlah betina. Inikan seorang gadis mencari jantan seramai itu. Boleh anda bayangkan betapa teruknya manusia?

CERMIN AJAIB DARI "SPY SOFTWARE APPLICATION"

DI PRIHATIN, penggunaan laman web di media sosial juga akan turut diperhatikan menggunakan aplikasi khas bagi menjejaki segala aktiviti anak-anak, baik yang dewasa, mahupun yang muda. Kita sedia maklum dengan pengaruh budaya kuning yang berleluasa di media sosial. Baru baru ini kami ceritakan ada di kalangan anak darjah 1 yang sudah melihat aktiviti seksual

samada live atau melalui video. Semua kita mengakui bahawa isu ini sangat sukar untuk dibendung jika kita tidak peka dengan keadaan sekeliling.

Dalam kita sibuk solat Aidilfitri baru-baru ini, dua beradik yang berbaju Melayu telah ditangkap di sebuah siberkafe kerana melayari laman web lucah dan melakukan “aksi lucah yang melampau” pada pagi Hari Raya. Ini menunjukkan ibu bapa mereka telah gagal untuk memantau segala aktiviti anak mereka.

Di Prihatin, anak kami sendiri bernama Muhamad Dinie yang dalam pengajian Sarjana Muda “Computer Artificial Inteligent” telah berjaya membuat integrasi aplikasi pengintipan komputer secara halus bagi membendung gejala maksiat internet di kalangan anak-anak kami di IPT. Dinie juga menguruskan aplikasi CCTV monitoring melalui handfone agar pemantauan boleh dibuat di mana saja. Alhamdulillah sekilas sahaja tabiat pelik yang dikesan telah kami panggil dan basuh semula minda anak anak itu. Inilah kesungguhan dalam usaha menangani gejala sosial.

Kami tidak boleh menceritakan detail tentang aplikasi ini secara terbuka kerana jika landak tahu di mana dan apa rupa perangkap sampai bila bila kita tidak akan dapat tangkap. Insyaallah jika diizinkan Allah anda akan dapat peluang mengetahuinya secara langsung dalam program “Parenting Workshop” yang banyak dicadangkan oleh follower prihatin bila tiba masanya nanti.

MENGENAL TANDA DARI CERMIN

Di Prihatin, Walaupun belum ada kes yang serius, tetapi sekurang-kurangnya pemantauan secara remote itu telah menghentikan TANDA-TANDA GEJALA yang sedikit mahu menular di kalangan anak-anak Prihatin. Dalam bab itu, bapa-bapa Prihatin memang sangat-sangat CEKAP MENGESAN TANDA. Mungkin kerana banyaknya kes-kes kebejatan sosial yang dirujuk kepada Prihatin menunjukkan kerosakan akhlak itu ADA TANDA-TANDANYA.

Jika anak dah mula `steady chatting' dengan lelaki dan mula nak hantar gambar, itu tandanya zina boleh berlaku.

Sila baca artikel MENGENAL TANDA untuk mengetahui lebih lanjut.

Cantas tanda-tanda ini sebelum ia merebak tanpa kawalan. Nafsu itu seperti api, lagi ditiup lagi jadi marak. Maka, bila api kecil mula tercetus, bapa-bapa dan ibu-ibu Prihatin akan berhadapan dengan anak-anak itu untuk menyiram AIR bagi memadamkan NAFSUnya. Ya, Air itu adalah sifat ilmu yang mengalir. Ia satu keperluan untuk semua manusia hidup dan ia tidak boleh dipegang tetapi boleh dirasai. Mudahnya dalam terma muda mudi... "KENA BASUH".

Ramai sangat kes-kes GEJALA AKHLAK ini datang merujuk. Kami dah tak larat nak tadah. Ibu bapa di luar yang nampak tabiat luar biasa anak, contohnya bertudung walaupun di rumah rupanya nak sorok `love-bite'. Anak tiba-tiba berubah dari baju dan seluar ketat jadi baju kurung atau jubah labuh rupanya nak sorokkan kehamilan. Tak pasal-pasal anak beli baju dan seluar dalam fancy, bahkan G-String sekalipun juga boleh dijadikan TANDA...

Biar kita CEMBURU dengan mereka dan ambil tahu apa mereka buat daripada tiba-tiba menerima kejutan yang bukan-bukan. Nanti ada Sang Bapa yang gatal selalu nak cari video lucu dalam internet tapi kena stroke tak pasal-pasal bila tengok anak sendiri yang sedang beraksi lucu dalam internet.

SIFAT KHUSUS CERMIN AJAIB

Cermin itu bersifat telus dan tidak mengancam. Ia tidak akan mencela tetapi menegur kita secara lembut untuk menampakkan dan membuang sifat kotor yang terlekat pada diri kita tadi.

Ia juga tidak bersifat pilih kasih. Siapa sahaja yang berdiri dihadapannya tidak pernah ditolak baik yang kaya mahupun yang miskin. Ia tetap akan menonjolkan diri sebenar individu yang

berdiri dihadapannya dan yang paling utama, cermin sentiasa bersifat telus dan tidak pernah menipu. Jika putih baju yang dipakai, maka putihlah yang akan kita lihat didalam cermin.

Tuntasnya, Cermin bukan sahaja boleh memantulkan paras fizikal kita, lebih penting lagi kita dapat melihat sifat sebenar seseorang menerusi cermin ajaib. Jika tidak, masakan ada ungkapan "kau cermin diri kau baik-baik, baru boleh sedar diri". Bukan itu sahaja, kita juga dapat memantau keadaan sekeliling dan dalam pada masa yang sama membantu kita membuat islah dan mengelakkan perkara-perkara yang tidak sihat daripada berlaku. Persoalannya kini sudahkah anda mendapatkan khidmat cermin ajaib anda?

Jadilah cermin terbaik kepada anak anda

Jadilah cermin terbaik kepada sahabat anda

Jadilah cermin terbaik kepada isteri anda

Jadilah cermin terbaik kepada jiran anda, masyarakat dan pemimpin anda...

Jadilah orang yang selalu MENCERMIN DIRI SETIAP HARI. Bersihkanlah diri sentiasa agar mampu dijadikan cerminan orang lain. Sentiasalah kita berusaha mencantikkan akhlak dan bukan mencantik rupa semata-mata.

Maaf jika ada yang terkasar bahasa. Kami ini anak anak yang baru mencuba.

Cetusan Zam-Zam

ANAK PRIHATIN